

# PERLEMBAGAAN PAUPM

## PERSATUAN ALUMNI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (PAUPM)

### KANDUNGAN

FASAL	PERKARA	MUKASURAT
FASAL 1	NAMA	
FASAL 2	TEMPAT URUSAN	
FASAL 3	LOGO	
FASAL 4	TUJUAN/MATLAMAT	
FASAL 5	KEAHLIAN	
FASAL 6	YURAN	
FASAL 7	PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI	
FASAL 8	MESYUARAT AGUNG	
FASAL	JAWATANKUASA	
FASAL 10	KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI	
FASAL 11	KEWANGAN	
FASAL 12	PEMERIKSA KIRA-KIRA	
FASAL 13	PENGAMANAH	
FASAL 14	TAFSIRAN PERLEMBAGAAN (UNDANG-UNDANG)	
FASAL 15	PENASIHAT/ PENAUNG	
FASAL 16	LARANGAN	
FASAL 17	PINDAAN PERLEMBAGAAN (UNDANG-UNDANG)	
FASAL 18	PEMBUBARAN	

## Fasal/Perkara

### FASAL 1 NAMA

Pertubuhan ini dikenali dengan nama **Persatuan Alumni Universiti Putra Malaysia (PAUPM)**.  
**Selepas** ini disebut **Persatuan**.

### FASAL 2 TEMPAT URUSAN

Alamat dan tempat urusan persatuan ialah “Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan” atau di tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa.

Tempat urusan berdaftar dan alamat surat menyurat Persatuan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

### FASAL 3 LOGO

Bentuk logo Persatuan adalah sama dengan logo Universiti Putra Malaysia, dengan tambahan perkataan PERSATUAN ALUMNI. Bentuk logo Persatuan adalah seperti berikut:



Ciri-ciri dan rasional logo adalah seperti berikut:

**Bentuk Perisai:** Asas logo terbina daripada bentuk perisai yang secara tradisinya melambangkan keteguhan prinsip, kemantapan dan penjagaan martabat ilmu untuk kebahagiaan dan kesejahteraan sejagat.

**Bentuk Titisan Air:** Bentuk titisan air adalah simbolik kepada komitmen Universiti untuk memelihara alam sekitar. Air juga adalah sebagai **asas** kehidupan sebagaimana juga ilmu adalah sebagai asas mencapai kemajuan dalam kehidupan manusia.

**Garis kecil di Tengah:** Garisan-garisan kecil di tengah ialah litar elektrik yang melambangkan ciri Universiti Abad Ke-21 berteraskan kepada kemajuan teknologi maklumat dan multimedia.

**Tiga Garisan:** Tiga garisan di kiri dan di kanan ialah simbol dahan yang melambangkan kepentingan pertanian dalam kelangsungan kehidupan dan kemakmuran manusia. Tiga garisan itu juga membawa maksud tiga fungsi utama Universiti iaitu – pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan. Selain itu tiga garisan ini juga melambangkan permulaan UPM dengan tiga fakulti iaitu Pertanian, Perhutanan, dan Kedokteran Veterinar & Sains Peternakan.

**Buku:** Buku yang berada di sebelah atas melambangkan keunggulan Universiti sebagai gapura yang menjunjung, menjana dan meneroka ilmu untuk kebahagiaan dan kesejahteraan sejagat.

**Konsep Warna:** Warna merah melambangkan dinamisme kepada tradisi perjuangan ilmu. Warna merah juga melambangkan semangat perintis, keberanian dan ketahanan menghadapi cabaran.

Warna kelabu melambangkan teknologi maklumat. Warna kelabu juga warna yang melambangkan keneutralan, keluwesan dan ketekalan.

Kombinasi dua warna merah dan kelabu adalah bermaksud keharmonian, kestabilan, keceriaan, kematangan dan dinamisme.

#### **FASAL 4 TUJUAN/MATLAMAT**

Tujuan Persatuan Alumni ini ialah:

- 4.1 Membantu meningkatkan prestasi Universiti di dalam aktiviti pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatannya.
- 4.2 Membantu menjalinkan persahabatan dan komunikasi berkekalan di antara ahli dengan ahli, ahli dengan Universiti dan ahli dengan bakal graduan Universiti.
- 4.3 Menjadi saluran rasmi mewakili Alumni di dalam semua urusan dengan Universiti.
- 4.4 Menjalankan aktiviti bagi menambah kewangan Persatuan supaya Persatuan dapat bergerak cergas sepanjang masa untuk mencapai tujuan dan matlamatnya.
- 4.5 Mengadakan program untuk kemajuan dan kebaikan Persatuan dan ahli-ahlinya.
- 4.6 Menerbitkan penerbitan tertentu seperti jurnal, majalah, warta, terbitan tak berkala dan lain-lain penerbitan yang membantu persatuan untuk mencapai tujuan dan matlamatnyatertakluk kepada kelulusan dari Pihak Berkuasa berkenaan.
- 4.7 Membantu Universiti dan bakal Alumni dalam bimbingan kerjaya dan saluran bagi menjalin pertalian dengan ahli dan bakal majikan mereka.
- 4.8 Memartabatkan disiplin-disiplin yang dipelopori di Universiti Putra Malaysia sejajar dengan matlamat Negara.

## FASAL 5 KEAHLIAN

5.1 Keahlian Persatuan terbahagi kepada tiga kategori, iaitu:

- a. **Ahli Seumur Hidup:** Terbuka kepada semua bekas pelajar Universiti Putra Malaysia dan nama2 sebelumnya yang berumur 18 tahun ke atas, warganegara Malaysia dan membayar yuran secara sekali gus.
- b. **Ahli Kehormat:** Persatuan boleh melantik seseorang yang telah memberikan khidmat cemerlang kepada Universiti Putra Malaysia dan Persatuan sebagai Ahli Kehormat.
- c. **Ahli Bersekutu:** Ahli bersekutu adalah terbuka kepada sesiapa yang sedang berkhidmat dengan Universiti Putra Malaysia, berumur 18 tahun ke atas dan warganegara Malaysia.
- d. **Ahli Gabungan:** Ahli gabungan terbuka kepada persatuan yang majoriti ahli-ahlinya terdiri dari Alumni UPM yang telah didaftarkan di Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Malaysia. Status ahli gabungan adalah sama seperti ahli seumur hidup.

Ahli Kehormat dan Ahli Bersekutu tidak berhak untuk mengundi dan diundi untuk memegang jawatan di dalam Persatuan.

## FASAL 6 YURAN

6.1 Yuran yang perlu dijelaskan adalah seperti berikut :

- a. Ahli seumur hidup – Yuran masuk adalah RM50.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Sahaja) dibayar secara sekaligus.
- b. Ahli Kehormat – tidak dikenakan bayaran.
- c. Ahli Bersekutu – RM50.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Sahaja) dibayar secara sekaligus.

- 6.6 Yuran khas atau kutipan wang daripada ahli-ahli untuk perkara yang tertentu boleh dipungut dengan persetujuan mesyuarat agung ahli-ahli.

## **FASAL 7 PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI**

- 7.1 Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli Persatuan, hendaklah memberi kenyataan bertulis dua minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha Agung dan menjelaskan segala hutangnya.
- 7.2 Mana-mana ahli yang gagal mematuhi undang-undang Persatuan atau bertindak dengan cara yang dianggap boleh mencemarkan nama baik Persatuan boleh dipecat atau digantung keahliannya bagi sesuatu tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Jawatankuasa. Sebelum Jawatankuasa memecat atau menggantung ahli tersebut, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab-sebab pemecatan atau penggantungannya secara bertulis. Ahli tersebut juga hendaklah diberitahu sebab-sebab pemecatan atau penggantungannya secara bertulis. Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang untuk memberi penjelasan dan membela dirinya. Pemecatan atau penggantungannya itu hendaklah dilaksanakan melainkan mesyuarat agung menunda atau membatalkan keputusan itu atas rayuan oleh ahli tersebut.
- 7.3 Ahli Gabungan akan terlucut keahliannya secara automatik apabila persatuan tersebut telah dibubarkan secara rasmi oleh Pendaftar Pertubuhan

## FASAL 8 MESYUARAT AGUNG

- 8.1 Pengelolaan Persatuan ini terserah kepada ahli Jawatankuasa dan Mesyuarat Agung ahli-ahli. Sekurang-kurangnya satu perdua dari jumlah ahli yang berhak mengundi atau dua kali ganda jumlah Ahli Jawatankuasa, ikut mana yang kurang, hendaklah hadir di dalam mesyuarat agung bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi bilangan korum untuk mesyuarat.
- 8.2 Jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada satu tarikh (tidak melebihi 30 hari) yang ditetapkan oleh Ahli Jawatankuasa dan jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu, maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir menjalankan mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa mengubah undang-undang Persatuan dan membuat keputusan-keputusan yang melibatkan semua ahli.
- 8.3 **Mesyuarat** Agung bagi Persatuan hendaklah diadakan setiap tahun dengan secepat mungkin setelah berakhirnya tahun kewangan tetapi tidak lewat daripada 30 April pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa. Kerja-kerja mesyuarat agung tahunan ialah:
  - 8.3.1. menerima laporan Jawatankuasa berkenaan perjalanan Persatuan di dalam tahun yang lalu;
  - 8.3.2. menerima laporan Bendahari dan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun yang lalu.
  - 8.3.3. menguruskan perkara-perkara lain yang dibentangkan di dalam mesyuarat.
  - 8.3.4. Setiap dua tahun sekali, memilih Ahli Jawatankuasa dan Pemeriksa Kira<sup>2</sup>.
  - 8.3.5. Meluluskan keahlian Ahli Gabung, Pertubuhan Bersekutu dan Anak<sup>2</sup> Syarikat jika perlu.
- 8.4 Setiausaha Agung hendaklah menghantar notis mesyuarat kepada tiap-tiap ahli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum Mesyuarat Agung diadakan bersama-sama satu agenda mesyuarat termasuk salinan peringatan mesyuarat dan laporan serta penyata kira-kira Persatuan

bagi tahun lalu yang telah diaudit. Salinan surat-surat ini juga hendaklah dibekalkan untuk dibaca oleh ahli-ahli di alamat tempat urusan Persatuan.

**8.5 Mesyuarat Agung Khas** bagi persatuan ini boleh diadakan

8.5.1 bila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa, atau

8.5.2 atas permintaan beramai-ramai dengan bertulis oleh tidak kurang dari 200 ahli yang berhak mengundi dengan menerangkan tujuan dan sebab mengadakannya. Permintaan itu hendaklah dihantar kepada Setiausaha Agung Persatuan.

8.6 Mesyuarat Agung Khas yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh di dalam tempoh satu bulan dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu.

8.7 Pengumuman dan agenda untuk Mesyuarat Agung Khas itu hendaklah diedarkan sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk bermesyuarat.

8.8 Fasa 8.1 dan 8.2 di dalam undang-undang ini berkenaan korum dan penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan boleh digunakan untuk Mesyuarat Agung Khas, tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli itu maka mesyuarat tersebut hendaklah dibatalkan dan dalam masa 6 bulan dari tarikh ini, Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.

8.9 Setiausaha Agung hendaklah memaklumkan kepada ahli-ahli satu salinan deraf peringatan tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Khas dengan seberapa segera yang boleh setelah selesainya mesyuarat tersebut.

## **FASAL 9 JAWATANKUASA**

9.1 Satu Jawatankuasa seperti berikut yang dinamakan hendaklah dipilih di dalam Mesyuarat Agung setiap dua tahun:

Seorang Presiden  
Seorang Naib Presiden  
Seorang Setiausaha Agung  
Seorang Penolong Setiausaha Agung  
Seorang Bendahari dan  
6 orang Ahli Jawatankuasa Biasa

Seseorang Presiden hanya boleh memegang jawatan tersebut hanya selama 3 penggal berturut-turut (6 tahun). Walau bagaimanapun ia boleh dicalunkan semula selepas satu penggal.

Presiden berkuasa memilih 4, 5 orang lagi Ahli Jawatankuasa Biasa Tambahan selepas Mesyuarat Agung dengan persetujuan Jawatankuasa.

- 9.2 Pemegang-pemegang jawatan Persatuan ini dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas eksekutif dalam Persatuan ini hendaklah terdiri dari warganegara Malaysia.
- 9.3 Nama-nama untuk jawatan-jawatan di atas hendaklah dicadangkan serta disokong dan pemilihan akan dijalankan dengan cara mengundi oleh ahli-ahli di dalam Mesyuarat Agung setiap dua tahun. Semua pegawai boleh dilantik semula tiap-tiap dua tahun.
- 9.4 Fungsi Jawatankuasa ialah mengelola dan mengaturkan kerja-kerja harian Persatuan dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan Persatuan mengikut dasar am yang telah ditetapkan oleh Mesyuarat Agung. Jawatankuasa seharusnya tidaklah boleh mengambil tindakan yang bertentangan dengan keputusan Mesyuarat Agung dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya dan Jawatankuasa hendaklah mengemukakan laporan berkenaan kegiatannya pada tahun lalu kepada tiap-tiap Mesyuarat Agung .
- 9.5 Jawatankuasa hendaklah –bermesyuarat sekurang- kurangnya sekali dalam 3 bulan. Pengumuman bagi tiap- tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli-ahli 7 hari terlebih dahulu. Presiden dengan bersendirian atau tidak kurang daripada 4 orang ahli Jawatankuasa bersama-sama boleh memanggil supaya diadakan mesyuarat Jawatankuasa pada bila-bila masa. Sekurang-kurangnya setengah (1/2) daripada bilangan ahli Jawatankuasa hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupkan korum mesyuarat.
- 9.6 Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Jawatankuasa dan mesyuarat Jawatankuasa tidak dapat diadakan, maka Setiausaha Agung bolehlah mendapatkan kelulusan dari ahli-ahli jawatankuasa secara pengedaran surat pekeliling. Syarat-syarat mengenainya seperti berikut mestilah disempurnakan sebelum keputusan boleh dianggap sebagai telah diterima.
  - 9.6.1 Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dibutirkan dengan terang di dalam surat



pekeliling yang diedarkan kepada tiap-tiap ahli Jawatankuasa.

9.6.2 Sekurang-kurangnya setengah daripada bilangan ahli Jawatankuasa mestilah menyatakan persetujuan atau bantahan mereka terhadap cadangan itu; dan

9.6.3 Keputusan hendaklah dengan undi yang terbanyak. Sebarang keputusan yang didapati melalui surat pekeliling hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha Agung kepada mesyuarat Jawatankuasa berikutnya untuk disahkan dan dicatatkan di dalam peringatan mesyuarat.

9.7 Ahli Jawatankuasa yang mungkir menghadiri mesyuarat Jawatankuasa tiga kali berturut-turut tanpa alasan memuaskan akan ditafsirkan sebagai telah meletakkan jawatan di dalam Jawatankuasa.

9.8 Jika seorang ahli Jawatankuasa meninggal dunia atau meletakkan jawatan, calon yang kedua mendapat undi terbanyak di dalam pemilihan yang lalu hendaklah dipanggil untuk memenuhi kekosongan itu. Jika calon yang sedemikian tidak ada atau menolak jawatan itu, maka berkuasalah Jawatankuasa melantik ahli yang lain memenuhi kekosongan itu sehingga Mesyuarat Agung Tahunan diadakan.

9.9 Jawatankuasa boleh memberi arahan kepada Setiausaha Agung dan pegawai-pegawai lain untuk menjalankan urusan Persatuan, dan melantik pengurus dan kakitangan yang difikirkannya mustahak. Ia boleh menggantung atau melucutkan jawatan sebarang pengurus atau kakitangan kerana cuai di dalam pekerjaan, curang, tidak cekap, engkar menjalankan keputusan Jawatankuasa, atau kerana sebab-sebab yang difikirkan boleh merosakkan kepentingan Persatuan.

9.10 Jawatankuasa boleh menubuhkan Jawatankuasa Kecil jika difikirkan mustahak dan memberikan kewajipan khas kepada sebarang ahli Jawatankuasa. Mereka boleh menghadiri mesyuarat Jawatankuasa tetapi tidak mempunyai hak untuk mengundi dan diundi.

9.11 Jawatankuasa boleh melantik wakil di Negeri/ Institusi/ Kawasan/ Profesyen/ Pengkhususan tertentu bagi membantu Persatuan dalam melaksanakan tugas, tujuan dan matlamat Persatuan.

## FASAL 10 KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI

- 10.1 **Presiden**, dalam tempoh menyandang jawatannya, hendaklah menjadi Pengerusi semua mesyuarat agung dan semua mesyuarat Jawatankuasa dan bertanggungjawab keatas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Ia mempunyai undi pemutus dan hendaklah menandatangani peringatan mesyuarat apabila telah diluluskan. Ia hendaklah menandatangani semua cek Persatuan bersama- sama dengan Setiausaha Agung dan Bendahari.
- 10.2 **Naib Presiden** hendaklah memangku jawatan Presiden semasa ketiadaannya.
- 10.3 **Setiausaha Agung** hendaklah menjalankan kerja pentadbiran Persatuan mengikut undang-undang dan hendaklah menjalankan perintah Mesyuarat Agung dan Jawatankuasa. Ia bertanggungjawab mengendalikan urusan surat menyurat dan menyimpan semua buku, surat dan kertas kecuali akaun dan buku-buku kewangan. Setiausaha hendaklah menyimpan buku daftar ahli yang mengandungi butir-butir seperti nama, alamat, tarikh lahir, nombor kad pengenalan, pekerjaan, dan nama serta alamat majikan. Ia hendaklah hadir di dalam semua mesyuarat dan membuat catatan mesyuarat. Ia hendaklah menandatangani semua cek Persatuan bersama-sama dengan Presiden dan Bendahari. Setiausaha Agung hendaklah dalam masa 60 hari dari tarikh Mesyuarat Agung Tahunan diadakan mengirinkan penyata tahunan Persatuan kepada Pendaftar Pertubuhan sebagaimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 14 (1) Akta Pertubuhan, 1966.
- 10.4 **Penolong Setiausaha Agung** hendaklah menolong Setiausaha menjalankan kerja-kerjanya dan memangku jawatan itu semasa ketiadaan Setiausaha Agung.
- 10.5 **Bendahari** adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan Persatuan. Ia hendaklah membuat dan menyimpan kira-kira berkenaan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab di atas ketepatannya. Ia hendaklah menandatangani semua cek Persatuan bersama-sama dengan Presiden dan Setiausaha Agung.
- 10.6 **Ahli Jawatankuasa Biasa** hendaklah membantu Jawatankuasa dalam menjalankan tugas yang diarahkan olehnya.

## FASAL 11 KEWANGAN

11.1 Sumber kewangan persatuan adalah terdiri dari;

- a. Yuran pendaftaran keahlian
- b. Sumbagan dari ahli2 persatuan.
- c. Sumbagan dari orang2 persoarangan
- d. Sumbagan dari badan kerajaan dan swasta e. Sumber2 perniagaan yang dijalankan

11.2 Persatuan boleh menjalankan perniagaan untuk menjana kewangan bagi persatuan dengan menubuhkan anak 2 syarikat 'Sendirian Berhad' dengan modal berbayar tidak melebihi RM 100,000 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu sahaja). Penubuhan anak2 syarikat itu mestilah terlebih dahulu di luluskan oleh Mesyuarat Agung

11.3 Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan berikut dalam undang-undang ini, wang Persatuan ini boleh digunakan untuk perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan Persatuan, termasuklah belanja pentadbiran, bayaran gaji, biayaan dan perbelanjaan pegawai-pegawai dan kakitangan yang bergaji serta upah memeriksa kira-kira. Walau bagaimanapun, wang itu tidaklah boleh digunakan untuk membayar denda ahli yang telah dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah.

11.4 Bendahari dibenarkan menyimpan wang runcit tidak melebihi daripada RM 1,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ribu Sahaja) Wang yang lebih daripada jumlah itu mestilah dimasukkan ke dalam bank yang diluluskan oleh Jawatankuasa. Kira-kira bank itu hendaklah di atas nama Persatuan.

11.5 Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang dari kira-kira Persatuan hendaklah ditandatangani bersama oleh dua daripada tiga orang yang berhak menandatangani iaitu Presiden, Setiausaha Agung dan Bendahari. Semasa ketiadaan Presiden, Setiausaha Agung atau Bendahari maka bolehlah Jawatankuasa melantik sesiapa di antara mereka sebagai pengganti untuk menandatangani cek atau kenyataan pengeluaran wang Persatuan.

11.6 Perbelanjaan yang lebih daripada RM 5,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Ribu Sahaja) bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa, dan perbelanjaan yang lebih daripada RM 50,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu) bagi sesuatu masa tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran Mesyuarat Agung terlebih dahulu. Perbelanjaan yang kurang daripada RM 2,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Ribu) bagi sesuatu masa boleh diluluskan oleh Presiden bersama

Setiausaha Agung dan Bendahari.

11.7 Penyata perihal wang yang diterima dan dibelanjakan serta kunci kira-kira bagi setahun hendaklah disediakan oleh Bendahari dan diperiksa oleh Pemeriksa Kira-kira yang dilantik di bawah Fasal 12 undang-undang ini dengan seberapa segera setelah tamatnya tahun kewangan. Penyata kira-kira yang telah diauditkan itu hendaklah dikemukakan untuk diluluskan oleh Mesyuarat Agung Dwitahunan yang berikut dan salinannya hendaklah dibekalkan untuk makluman ahli di tempat urusan Persatuan.

11.8 Tahun kewangan Persatuan ini bermula dari 1hb Januari dan berakhir pada 31 Disember tiap-tiap tahun.

## **FASAL 12 PEMERIKSA KIRA-KIRA**

12.1 Dua orang pemeriksa kira-kira yang bukan terdiri dari Ahli Jawatankuasa hendaklah dilantik di dalam Mesyuarat Agung setiap dua tahun sekali.

12.2 Pemeriksa kira-kira boleh memeriksa buku kewangan Persatuan bila-bila masa dan mestilah mengesahkan Laporan Kewangan Persatuan sebelum ianya dibentangkan didalam Mesyuarat Agung.

12.3 Pemeriksa kira-kira boleh dilantik semula dalam Mesyuarat Agung.

## **FASAL 13 PENGAMANAH**

13.1 Tiga orang Pengamanah yang berumur lebih daripada 21 tahun boleh dilantik di dalam Mesyuarat Agung jika perlu dan mereka akan berkhidmat selama yang dikehendaki oleh Persatuan. Semua harta tetap kepunyaan Persatuan akan diamanahkan kepada mereka dengan menandatangani suatu Surat Amanah (Deed of Trust).

13.2 Pengamanah tidak boleh menjual, menarik balik atau memindahkan hakmilik harta kepunyaan Persatuan dengan tidak mendapat kelulusan dan kuasa yang diberikan oleh Mesyuarat Agung Persatuan.

13.3 Seseorang Pengamanah itu boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh Mesyuarat Agung oleh sebab uzur kerana penyakit, tidak siuman, tidak berada di dalam negeri atau kerana sebab lain yang mengakibatkan ia tidak dapat menjalankan tugasnya atau pekerjaan dengan memuaskan. Jika berlaku kematian, perletakan jawatan atau pembuangan bagi seseorang Pengamanah maka

kekosongan itu bolehlah dipenuhi oleh Pengamanah yang baru dilantik di dalam Mesyuarat Agung.

#### **FASAL 14 TAFSIRAN PERLEMBAGAAN (UNDANG-UNDANG)**

14.1 Di antara berlangsungnya Mesyuarat Agung , Jawatankuasa boleh memberikan tafsirannya kepada undang-undang ini dan Jawatankuasa, jika mustahak, boleh memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam undang- undang ini.

14.2 Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat dalam Mesyuarat Agung, keputusan Jawatankuasa terhadap ahli-ahli adalah muktamad jika tidak diubah oleh keputusan Mesyuarat Agung.

#### **FASAL 15 PENASIHAT/ PENAUNG**

Jawatankuasa boleh, jika difikirkan perlu, melantik orang-orang yang layak menjadi Penasihat/ Penaung bagi Persatuan ini bagi sesuatu masa tertentu, dengan syarat orang yang dilantik itu menyatakan persetujuannya secara bertulis. Setelah habis tempoh, Persatuan boleh melantik kembali Penasihat/ Penaung yang sama.

#### **FASAL 16 LARANGAN**

16.1 Permainan yang disebutkan dibawah ini tidak boleh dimainkan di dalam persatuan ini: Raulette, Lotto, Fan Tan, Peh Bin, Belankai, Pai Kau, Tau Ngau, Tien Kow, Chap Ji Kee, Sam Cheong, Dua Puloh Satu, Tiga Puluh Satu, Sepuluh dan Setengah, semua permainan berdadu, banker game dan semua permainan yang bergantung semata-mata kepada nasib.

16.2 Persatuan atau ahli-ahlinya tidak boleh mencuba menghalang atau dengan apa cara juga mengganggu perniagaan atau harga barang atau mengambil peranan di dalam gerakan kesatuan sekerja seperti yang diterangkan di dalam Akta Kesatuan Sekerja, 1959.

16.3 Persatuan ini tidak boleh menjalankan loteri samada dikhaskan kepada ahli-ahli atau tidak atas nama persatuan atau pegawai-pegawai atau ahli jawatankuasa atau ahli, tanpa kelulusan daripada pihak berkenaan.

16.4 "Faedah" seperti yang diterangkan di bawah seksyen 2, Akta Pertubuhan 1966 tidak boleh diberikan oleh persatuan kepada mana-mana ahlinya.

## **FASAL 17 PINDAAN PERLEMBAGAAN (UNDANG-UNDANG)**

Undang-undang ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan Mesyuarat Agung. Permohonan untuk perubahan atau pindaan kepada undang-undang hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 60 hari dari tarikh keputusan Mesyuarat Agung meluluskan perubahan atau pindaan itu dan hanya boleh dikuatkuasakan mulai daripada tarikh perubahan atau pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

## **FASAL 18 PEMBUBARAN**

18.1 Persatuan ini boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tidak kurang daripada dua pertiga (2/3) daripada ahli-ahli yang hadir atau tidak kurang dari 200 ahli ( yang mana yang lebih tinggi), yang menghadiri dalam suatu Mesyuarat Agung Khas yang dipanggil kerananya.

18.2 Sekiranya Persatuan hendak dibubarkan secara yang disebutkan di atas, maka segala hutang dan tanggungan Persatuan yang sah mengikut undang-undang hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujui dalam Mesyuarat Agung Khas berkenaan.

18.3 Kenyataan bersabit dengan pembubaran itu hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 14 hari dari tarikh pembubaran itu.